



MRS Sultan Azlan Shah
KM 13 Jalan Kuala Kangsar-Gerik
Kg Baru Liman Kati
33020 Kuala Kangsar, Perak
No Tel: 05-7524900 No Fax: 05-7524901

BORANG PENDAFTARAN TELEFON BIMBIT

Saya _____ (ibu bapa/penjaga) kepada _____ (pelajar),
No Maktab _____, Homeroom _____, Tingkatan _____ telah
faham dan bersetuju dengan syarat dan peraturan penggunaan telefon bimbit yang telah ditetapkan oleh
pihak maktab.

2. Butiran telefon bimbit adalah seperti berikut:-

- i). Model : _____
- ii). No. IMEI : _____
- iii) No. Telefon Bimbit : _____

Saya tidak akan membuat sebarang tuntutan atau mengambil apa-apa tindakan undang-undang di atas
kehilangan dan kerosakan telefon bimbit seperti maklumat di atas

Tandatangan ibu Bapa/ Penjaga

Tandatangan Pelajar

Nama : _____

Nama : _____

No MyKad : _____

No MyKad : _____

No H/P : _____

Tarikh : _____

Tarikh : _____



MRSM Sultan Azlan Shah
KM 13 Jalan Kuala Kangsar-Gerik
Kg Baru Liman Kati
33020 Kuala Kangsar, Perak
No Tel: 05-7524900 No Fax: 05-7524901

KEPADA :

Pengetua
MRSM Sultan Azlan Shah

AKUJANJI MEMATUHI PERATURAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT

Adalah saya
No. Maktab Kelas Homeroom dengan ini
mengaku bahawa telah mendaftar penggunaan telefon bimbit dengan pihak maktab.

Saya telah memahami peraturan penggunaan telefon bimbit di MRSM dengan ini berjanji tidak akan melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan maktab. Jika didapati saya melanggar peraturan yang ditetapkan oleh pihak pengurusan maktab saya sedia menerima hukuman/tindakan mengikut Buku Peraturan Pengurusan Disiplin MRSM 2016.

PERATURAN AM PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT

1. Pelajar tidak dibenarkan menggunakan telefon bimbit pada waktu kelas akademik, kelas persediaan, program rasmi maktab, selepas 'light off' dan program kerohanian kecuali dengan kebenaran maktab.
2. Penggunaan telefon bimbit perlulah selari dengan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (rujuk lampiran akta)
3. Pihak maktab tidak dipertanggungjawabkan atau/dan dipersalahkan sekiranya berlaku sebarang kehilangan, kerosakan dan keselamatan peralatan ketika dalam jagaan pelajar.
4. Hanya satu telefon bimbit asas dan satu telefon bimbit pintar sahaja yang dibenarkan untuk didaftarkan bagi setiap pelajar.

Sekian, terima kasih

Tandatangan Pelajar

Nama :
No MyKad :
No Telefon Bimbit :
Tarikh :
.....



MRS Sultan Azlan Shah
KM 13 Jalan Kuala Kangsar-Gerik
Kg Baru Liman Kati
33020 Kuala Kangsar, Perak
No Tel: 05-7524900 No Fax: 05-7524901

PANDUAN PENGGUNAAN TELEFON BIMBIT

PENGENALAN

Telefon bimbit merupakan satu alat komunikasi yang penting pada zaman sekarang. Melalui *MARA the way forward* yang diilhamkan oleh Pengerusi MARA, maka pihak pengurusan maktab membenarkan penggunaan telefon bimbit di maktab. Walau bagaimanapun, kebenaran ini tertakluk kepada peraturan-peraturan berikut :-

PERATURAN AM

1. Mendapat kebenaran bertulis ibubapa/penjaga.
2. Mendaftar dan menandatangani borang pendaftaran penggunaan telefon bimbit.
3. Bayaran pendaftaran **RM10.00 setahun** dikenakan bagi setiap telefon bimbit.
4. Telefon yang telah didaftarkan akan ditampal 'sticker' yang disediakan oleh pihak maktab.
5. Pelajar hanya dibenarkan membawa **satu unit telefon bimbit pintar dan satu unit telefon bimbit asas**.
6. Pelajar hanya dibenarkan mengecas telefon di dalam kawasan asrama sahaja.
7. Pihak maktab berhak memeriksa dan merampas telefon bimbit sekiranya didapati ada unsur penyalahgunaan.
8. Sebarang bentuk penyalahgunaan telefon bimbit akan dikenakan tindakan mengikut 'Buku Peraturan Pengurusan Disiplin Pelajar MRS'.
9. Pihak maktab TIDAK BERTANGGUNGJAWAB jika berlaku kecurian, kehilangan atau kerosakan telefon bimbit.
10. Pelajar BERTANGGUNGJAWAB sepenuhnya terhadap telefon bimbit masing-masing.
11. Peraturan ini akan dikaji/disemak dari semasa ke semasa mengikut kesesuaian.

TEMPAT MENYIMPAN DAN MASA PENGGUNAAN

1. Penggunaan telefon bimbit pintar hanya dibenarkan digunakan pada hari **Jumaat hingga Ahad** sahaja, manakala bagi telefon bimbit asas dibenarkan digunakan **7 hari seminggu**.
2. Telefon bimbit pintar boleh diambil dari guru asrama bertugas pada jam **3.00 petang hari Jumaat** atau waktu yang ditetapkan oleh pihak maktab sekiranya melibatkan pulang bermalam.
3. Telefon bimbit pintar yang telah digunakan hendaklah diserahkan semula kepada guru asrama bertugas pada **hari Ahad jam 5.00 – 6.00 petang** untuk urusan penyimpanan di Pejabat Asrama.
4. Pihak maktab akan merampas telefon jika digunakan di tempat dan waktu yang tidak dibenarkan.
5. Pihak ibubapa/penjaga perlu memohon secara rasmi untuk mendapatkan telefon yang telah dirampas.
6. Pelajar hanya dibenarkan menggunakan telefon bimbit di kawasan asrama sahaja dan tidak boleh digunakan selepas masa "lights off" iaitu jam 11.30 malam.
7. Menggunakan telefon bimbit untuk menghubungi keluarga atau perkara-perkara yang menjadi keperluan sahaja.



MRS Sultan Azlan Shah
KM 13 Jalan Kuala Kangsar-Gerik
Kg Baru Liman Kati
33020 Kuala Kangsar, Perak
No Tel: 05-7524900 No Fax: 05-7524901

KESELAMATAN TELEFON BIMBIT

Keselamatan telefon bimbit adalah tanggungjawab pelajar. Pihak maktab tidak akan menggantikan atau membayar ganti rugi atas kehilangan atau kerosakan telefon bimbit pelajar. Walau bagaimanapun kes-kes pelanggaran disiplin yang ada kaitan dengan telefon bimbit akan dikendalikan mengikut Panduan Pengurusan Disiplin yang sedia ada.

PELANGGARAN DASAR DAN PERATURAN

Sebarang pelanggaran dasar dan peraturan oleh pelajar akan diambil tindakan. Antara tindakan yang boleh diambil oleh pihak maktab adalah :-

1. Merampas telefon bimbit.
2. Menarik balik kebenaran telefon bimbit.
3. Mengenakan tindakan disiplin mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak MARA atau maktab.
4. Telefon yang dirampas akan dikembalikan hanya kepada ibu bapa di akhir setiap tahun persekolahan.

SPESIFIKASI TELEFON BIMBIT

Setiap pelajar hanya dibenarkan menggunakan telefon bimbit pintar (1 unit) dan telefon bimbit asas (1 unit).

PERATURAN INI AKAN DITAMBAH ATAU DIUBAH MENGIKUT KESESUAIAN DARI SEMASA KE SEMASA

Pengetua
MRS Sultan Azlan Shah
Perak